

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh manakah pakej rangsangan ekonomi sebanyak RM25 juta diperuntukkan melalui MDEC bagi program Global Online Workforce (GLOW) dalam meningkatkan keupayaan ekonomi gig ini benar-benar sampai kepada sasaran.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Tenaga Kerja Dalam Talian Global atau *Global Online Workforce* (GLOW) bermula sebagai satu komponen Program eRezeki di bawah RMKe-11 dan telah dilaksanakan sejak tahun 2017, dengan matlamat untuk memperkenalkan peluang kerjaya sebagai pekerja bebas digital (*digital freelancer*) yang mampu menjana pendapatan bernilai tinggi secara dalam talian (*online*).

Menerusi GLOW, peserta akan diberikan pendedahan, diprofilkan mengikut kemahiran, dan seterusnya menjalani sesi latihan dan bimbingan selama tiga (3) bulan supaya mereka mampu mengenalpasti, membuat bidaan dan memperoleh tugas yang ada di pelbagai platform dalam talian.

## NO SOALAN : 12

Dengan pengumuman peruntukan dana khas sebanyak RM25 juta oleh YAB Perdana Menteri kepada Program GLOW di bawah PENJANA, usaha Program GLOW-PENJANA difokuskan khusus kepada membantu golongan graduan yang menganggur dan para pekerja dalam sektor ekonomi tertentu yang terjejas teruk akibat penularan wabak COVID-19 baru-baru ini.

Program GLOW-PENJANA telah dibuka untuk pendaftaran sejak 20 Ogos 2020. Sehingga 6 November 2020, seramai 5,670 orang peserta telah mendaftar untuk menjalani latihan. Daripada jumlah yang berdaftar, seramai 4,294 peserta telah menjalani latihan intensif dan kini sedang memulakan sesi *mentoring* selama tiga (3) bulan di bawah bimbingan dan seliaan *freelancer* berpengalaman. Berikut adalah pecahan peserta yang menjalani latihan dan bimbingan di bahawa program GLOW:

- a. Pekerja yang pendapatan bulanan dipotong melebihi 50% (*salary cut*) – 10.2%;
- b. Graduan menganggur (*unemployed graduates*) – 58.2%; dan
- c. Pekerja yang telah diberhentikan (*retrenched workers*) – 31.6%.

Pendaftaran dan latihan bagi program GLOW-PENJANA akan dijalankan sehingga 31 Disember 2020. Program GLOW-PENJANA mensasarkan penyertaan seramai 10,000 orang daripada golongan yang terkesan. Untuk menarik penyertaan golongan sasar, MDEC menjalankan kerjasama strategik dengan :

- a. Kementerian Sumber Manusia, khususnya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Jabatan Tenaga Kerja;
- b. Kementerian Belia dan Sukan;
- c. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
- d. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK); dan
- e. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Selain itu, MDEC juga sedang merangka kerjasama dengan syarikat-syarikat yang terkesan. Ini termasuklah syarikat penerbangan seperti Malaysia Airlines (MAS), Air Asia dan Malindo Air, untuk memperluaskan promosi program kepada pekerja-pekerja yang terkesan atau terlibat dalam program penstrukturran semula syarikat berkaitan.